

**MEMBINA KRITIKAN SASTERA MELAYU DALAM JALUR
PASCAMODENISME
*TO DEVELOP THE MALAY LITERARY CRITICISM IN
POSTMODERNISM LINE***

Azhar Hj.Wahid* dan Abdul Ghani Hj.Abu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, Malaysia
*azhar@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kritikan sastera Melayu bukan sahaja menilai karya sastera yang wujud, malah juga mencakupi penulisan legislatif dan pembentukan teori sastera. Perkembangannya mengujudkan beberapa tahap perkembangan, yang penting antaranya tahap sebelum Perang Dunia II, tahap sebelum kemerdekaan, zaman kemerdekaan, modenisme, dan sekarang pascamodenisme. Tradisi kritikan sastera Melayu bermula pada tahun-tahun 1950-an, yang telah mendapat perhatian serius daripada tokoh-tokoh pengkritik dan penulis ASAS 50. Dalam perkembangan sastera Melayu dalam beberapa dekad seterusnya, terkesan akan angin perubahan ke arah dunia sastera pascamodenisme dengan dunia intelektualisme. Kehadiran teori baharu yang disesuaikan dengan teks pascamodenisme, antaranya Strukturalisme, Psikoanalisis, Intertekstualiti, Semiotik, Teksdealisme, Psikoanalisis, Resepsi, Feminisme, Fenomenologi, Hermeneutik, New Historicism dan sebagainya telah hadir dalam sastera di Malaysia. Begitu juga dengan kewujudan teori tempatan seperti Puitika Sastera Melayu, Konseptual Kata Kunci, Teksdealisme, Takmilah, Estetika Bersepadu, dan sebagainya telah menyemarakkan dunia penulisan kritikan di Malaysia. Keadaan ini

akan membantu menyemarakkan lagi dunia kritikan sastera di Malaysia, khususnya dalam konteks kritikan sastera amali. Kata Kunci: Kritikan, modenisme, pascamodenisme, intelektualisme, realisme

ABSTRACT

Malay literary criticism not only evaluate existing literature, but also accounts for the legislative writing and formation of literary theory. Its progress established several stages of development, which is important, prior to the World War II, the level before independence, Independence Day, modernism, and the recent postmodernism. Malay literary criticism tradition began in the years of the 50s, which has received more attention from the critics and writers of ASAS 50. In the development of Malay literature in the next few decades, influenced by the winds of change towards literary postmodernism world with the world of intellectualism. The presence of a new theory of postmodernism customized with texts, such as structuralism, psychoanalysis, intertextuality, semiotic, teksdealisme, psychoanalysis, reception, feminism, phenomenology, hermeneutics, and others were present in the literature in Malaysia. Similarly, the existence of theories such as poetics, Teksdealisme, Takmilah, Aesthetic Integration, and others has popularized criticism in the writing world. This will help boost the world of literary criticism in Malaysia, especially in the context of practical literary criticism.

Keywords: Criticism, modernism, post-modernism, intellectualism, realism

PENGENALAN

Pada dasarnya kritikan hanya wujud dalam sastera Malaysia mulai tahun 1950-an, meskipun tidak dinafikan bibitnya sudah wujud sebelumnya tetapi kritikan hanya lebih bersifat ulasan dan resensi sahaja. Kritikan ini mencakupi bukan sahaja untuk maksud kegiatan menilai karya sastera yang wujud (deskriptif), malah juga untuk

maksud-maksud kegiatan penulis tentang cara-cara menulis yang baik dan betul (legislatif), dan kegiatan membentuk teori sastera (kritikan teori). Kritikan sastera dalam maksud yang demikian itu berkembang dan terlaksana di Malaysia dalam keadaan yang agak lembap. Ia merupakan bidang kegiatan sastera yang tiada akar tradisinya dan amat sedikit pula diceburi oleh penulis (Hashim Awang, 1997:102). Namun begitu, perkembangan yang demikian tetap bertenaga untuk melahirkan riak gelombang dan memberi petanda baik ke arah memperolehi kemajuan yang lebih besar dan mantap.

Pada tahun 1950an dikatakan sebagai penanda bermulanya penggunaan pendekatan yang sebelum itu tidak jelas ukur nilainya. Asraf merupakan pelopor pengkritik sastera Malaysia dengan membawa gagasan “Seni untuk Masyarakat” yang berasaskan realisme sosialis. Pada waktu itu perkataan teori masih belum timbul dan kata-kata itu hanya bermula selepas datangnya sastera pascamoden pada tahun 1980-an.

Perkembangan Kritikan Sastera Melayu

Sehingga kini, kritikan sastera di Malaysia sudahpun melalui beberapa tahap perkembangan yang penting, antaranya tahap sebelum Perang Dunia II, tahap sebelum kemerdekaan, zaman kemerdekaan, modenisme, dan sekarang pascamodenisme. Pada tahap awal kritikan lahir untuk mula membentuk tradisinya bersama-sama dengan perkembangan penulisan cerpen yang pesat berlaku dalam akhbar dan majalah. Sesuai dengan keadaannya yang baharu berkembang pada waktu itu, didapati kritikan sastera berlaku secara kecil-kecilan dan tidak mempunyai nilai yang tinggi. Contohnya penilaian lebih tertumpu kepada Sejarah Melayu, Hikayat Abdullah dan Kisah Pelayaran Abdullah.

Keris Melayu (Muhammad Yasin Maamor) yang menulis rencana dalam Majalah Guru pada tahun 1935 dianggap sebagai kritikan awal. Dalam tulisannya Keris Melayu cuba menganalisa, pertama tentang isi dan gaya bahasa Sejarah Melayu dan kedua, tentang pendirian dan sikap Munsyi Abdullah. Tentang isi dan gaya

bahasa Sejarah Melayu, beliau mengakui adanya unsur-unsur dongeng dalam buku Sejarah Melayu itu. Tetapi dengan cerita-cerita tentang perangai raja-raja Melayu serta kepahlawanan Hang Tuah yang terlukis di dalamnya, beliau mengharapkan supaya dipercayai dan diteladani oleh mereka yang hidup dalam zaman yang serba baharu dan moden ini. Sifat-sifat mulia dan keadilan yang diperlihatkan oleh Sultan Mansur Syah dan Bendahara Paduka raja itu haruslah dibanggakan. Begitu juga tentang keperwiraan dan ketaatan Laksamana Hang Tuah, beliau menyeru supaya sifat-sifat itu diperhidupkan oleh orang-orang Melayu. Malah beliau mencadangkan supaya diadakan satu hari tertentu untuk memperingati dan membanggakan pahlawan-pahlawan Melayu yang terbilang sepertimana juga orang-orang Eropah membanggakan Hitler, Mussolini, Napoleon dan Wilson.

Dalam pembicaraannya tentang Munsyi Abdullah, ternyata Keris Melayu lebih memihak kepada sikap dan pendirian Abdullah yang berani seperti yang terlihat di dalam hikayat-hikayatnya. Katanya tulisan-tulisan kecaman Abdullah Munsyi tentang orang-orang Melayu itu samalah juga dengan tulisan-tulisan yang pernah ditulis oleh pengarang-pengarang akhbar Melayu hari ini, yang mempersoalkan tentang kehidupan orang-orang Melayu. Malah Keris Melayu menganggap Abdullah Munsyi itu sebagai “seorang Melayu yang mula-mula sekali berperasaan halus dalam kehidupan, berani berkata benar dengan apa yang terasa salah dalam fikirannya, tidak menyoroknyorokkan hal yang betul” (Hashim Awang, 1984: 28).

Penilaian-penilaian itu boleh dikatakan lebih bertumpu kepada aspek persoalan atau tema karya-karya tersebut. Penilaian terhadap aspek tema dan persoalan itu pula akan dihubungkan secara langsung dengan permasalahan nasionalisme Melayu. Disebabkan permasalahan itu diutamakan maka kritikan-kritikan yang ditonjolkan amat bersifat emosional dan subjektif. Dengan kata lain, kritikan-kritikan itu terlaksana tanpa penggunaan satu-satu dasar atau pendekatan khusus yang lebih bersifat saintifik dan objektif.

Sesungguhnya dalam fungsi kritikan sastera ini, terdapat tiga fungsinya yang utama, iaitu:

- Memperlihatkan tindak balas individu terhadap satu-satu karya sastera.
- Menjadi sebagai penafsir bagi peminat atau pembaca. ❏
Menjadi sebagai hakim.

Oleh yang demikian, untuk melaksanakan tugas-tugas inilah maka wujudnya para pengkritik dan untuk mencari persetujuan ke arah ini kita memerlukan tumpuan pandangan ke atas berbagai pendapat lain tentang kritikan dan karya seni sastera.

Kita semua maklum bahawa sesuatu karya sastera itu diciptakan oleh sasterawan adalah untuk dinikmati, difahami dan dimanfaatkan oleh masyarakat. Sasterawan itu sendiri adalah anggota masyarakat dan dia terikat oleh status sosial tertentu. Sastera adalah lembaga sosial yang menggunakan bahasa sebagai medium dan bahasa itu sendiri merupakan ciptaan sosial. Sastera menampilkan gambaran kehidupan dan kehidupan itu sendiri adalah suatu kenyataan sosial (Hashim Awang, 1997: 26). Dalam pengertian ini, kehidupan mencakupi hubungan antara masyarakat dengan individu, antara manusia dan antara peristiwa-peristiwa yang terjadi di dalam batin seseorang. Peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam batin seseorang, yang sering menjadi bahan sastera, adalah pantulan dari hubungan seseorang dengan orang lain atau dengan masyarakat kelompok sosialnya.

Bagi sesuatu karya sastera, baik sebagai kreativiti estetik mahupun respon daripada kehidupan sosial, mencuba mengungkapkan perilaku manusia dalam suatu kelompok sosial yang dianggap bererti bagi aspirasi kehidupan seniman, kehidupan manusia pada umumnya. Oleh kerana itulah, dimensi-dimensi yang dilukiskan bukan hanya entiti tokoh secara fizikal, tetapi sikap dan perilaku, dan kejadian-kejadian yang meniru pada kualiti struktur sosial. Dengan kata lain, seseorang pengarang dalam masyarakat kelompok sosialnya mempersiapkan entiti karya sasteranya sesuai dengan normanorma dan nilai-nilai struktur sosial, manakala karya

sasteranya memanfaatkan unsur-unsur sosial ke dalam sistem sastera dengan cara yang ditentukan oleh konvensi dan tradisi sesuatu masyarakat.

Justeru itu, untuk menilai dan memilih karya sastera yang dihasilkan oleh seseorang pengarang, pengkritik mestilah terlebih dahulu menghayatinya dalam pengalaman yang langsung. Penekanan ini dibicarakan oleh Theodore Meyer Greene dalam bukunya *The Arts and the Art of Criticism* (1943). Dari keadaan itu, dapat ditegaskan bahawa para pengkritik adalah orang yang menghayati karya-karya seni dan sastera kritiknya pula dibataskan oleh daya kekuatannya untuk menghayati. Oleh itu, sebelum melakukan penjelasan dan penilaian, pengkritik seharusnya terlebih dahulu melihat karya sebagai yang ada dan sebenarnya buat dirinya.

Tradisi kritikan sastera Melayu dalam pengertiannya yang lebih moden dan tepat di Malaysia dapat dikatakan bermula pada tahun-tahun 1950-an, bersama-sama munculnya satu generasi sasterawan Melayu yang dikenali sebagai ASAS 50. Ini sesungguhnya telah dirintis oleh Aminuddin Baki apabila beliau membuat kritikan terhadap novel *Korban KesucianNya*, karya Keris Mas. Apa yang menarik dalam kritikan itu ialah huraian penilaiannya yang menjurus kepada dua aspek penting karya sastera iaitu isi dan teknik (bentuk). Walaupun huraiannya tidak dilakukan secara mendalam, namun padanya terlihat ada daya kritis dan daya analisis untuk menghasilkan suatu bentuk kritikan sastera yang lebih bererti dan bermanfaat. Bermula dari itu, kritikan-kritikan sastera yang jelas dan tegas telah mendapat perhatian serius daripada tokoh-tokoh pengkritik dan penulis ASAS 50, iaitu Asraf dan Hamzah yang dianggap sebagai paling aktif terlibat dalam bidang kritikan sastera. Hampir keseluruhan tulisan kritikan Asraf adalah berkisar kepada permasalahan keunggulan karya sastera. Bagi beliau, karya sastera yang paling unggul ialah karya sastera yang secara total memihak dan membangunkan rakyat. Hanya falsafah yang bertunjangkan atas dasar rakyat yang diakui sebagai falsafah yang membangun. Falsafah inilah yang dikatakan harus ada pada sasterawan Melayu dalam mengadakan

pembaharuan bagi seni sastera Melayu. Pandangan yang sedemikian adalah jelas bersandarkan kepada konsep "seni untuk masyarakat" yang menjadi dasar perjuangan dan cita-cita ASAS 50.

Asraf yang mendasarkan pembicaraannya tentang idea sastera kepada konsep "seni untuk masyarakat", mana Hamzah pula menggunakan konsep "seni untuk seni" sebagai dasar tunjangan pembicaraan kritiknya. Dalam pandangannya terhadap idea sastera, beliau amat mementingkan bentuk (teknik) di samping isi. Bentuk baginya, adalah penting kerana bentuk itulah yang menentukan corak isi dan ciri-ciri keindahan yang tersendiri bagi ciptaan sesebuah karya sastera.

Seterusnya, selepas zaman kemerdekaan penulisan kritikan sastera didapati lebih bertambah baik dan maju, terlihat dalam hal-hal yang berhubungan dengan aspek-aspek pertambahan pengkritik, keseragaman pendekatan dan ketelitian penulisan. Para penulis yang terlibat dalam bidang kritikan sastera telah bertambah bilangannya. Mereka tidak lagi hanya terdiri daripada penulis-penulis kreatif atau satu-satu pertubuhan sastera tertentu sahaja. Mereka kini datangnya dari pelbagai latar belakang pendidikan dan profesion, ilmu dan pengalaman. Mereka ini boleh ditempatkan kepada dua golongan utama iaitu pertama, golongan yang mendapat pendidikan kesusasteraan secara formal hingga ke peringkat universiti, manakala golongan kedua pula terdiri daripada peminat sastera dan kritikan yang mempelajari kritikan sastera melalui pembacaan atau pengalaman semasa melakukan tugas harian seperti pendidik, wartawan atau editor sesebuah akhbar atau majalah.

Antara kedua-dua golongan ini, jelas terdapat kelainan dalam sikap, nada pengucapan fikiran atau pandangan dan juga corak kritikan sastera yang dihasilkannya. Kelainan-kelainan dalam hal tersebut timbul kerana adanya perbezaan pada matlamat, bentuk, wadah dan pembaca. Penulisan kritikan sastera yang dihasilkan oleh golongan pertama biasanya bersifat ilmiah. Kebanyakannya berupa kajian atau penelitian mendalam yang terhasil sama ada dalam bentuk buku, tesis, disertasi, monograf ataupun makalah yang dimuatkan dalam majalah-majalah atau

jurnal-jurnal tempatan dan luar negara. Kritikan mereka pula merangkumi banyak jenis sastera di samping sebilangan besar tokoh penulis terpenting dalam setaip genre sastera itu. Pendekatan yang mereka gunakan pun lebih beragam, biarpun penekanan awalnya lebih banyak diberatkan kepada pendekatan-pendekatan struktural dan formalistik, iaitu pendekatan yang menekankan unsur-unsur yang membina sesebuah karya sastera. Namun begitu, banyak hasil penulisan kritikan sastera mereka yang bersifat akademik, terutama yang berbentuk tesis atau disertasi dan tidak begitu tersebar luas kepada pembaca.

Seterusnya, bagi golongan kedua pula didapati banyak menghasilkan esei-esei atau pandangan pendek tentang sastera. Ini disebabkan sifatnya yang begitu ringkas, ditambah pula dengan kekurangan daya analisis menyebabkan sebahagian daripada penulisan kritikan mereka menjadi sukar untuk digolongkan sebagai karya kritikan sastera yang sebenar. Kerja-kerja kritikan mereka yang sedemikian sifatnya lebih banyak dikemukakan kepada pembaca melalui akhbar-akhbar mingguan tempatan seperti Berita Minggu, Mingguan Malaysia, dan beberapa buah majalah bulanan seperti Dewan Sastera, Dewan Bahasa, dan sebagainya. Sesuai dengan sifatnya yang pendek dan wadah siarannya, malah kritikkannya lebih mudah untuk dibaca.

Jika ditinjau dari sudut corak pembaca yang dituju dan bentuk media yang mengisinya, maka terasa bahawa sebahagian kritikan sastera tersebut adalah wajar berkembang dalam sifatnya yang demikian. Ia ditulis sebagaimana untuk pembaca umum dan disiarkan dalam akhbar mingguan dan majalah bulanan tertentu juga berupa bacaan masyarakat umum. Oleh sebab itu, corak penulisan yang disampaikan melalui kritikan-kritikan itu seharusnya memenuhi ciri-ciri kritikan yang dapat difahami oleh pembaca dari semua lapisan masyarakat. Kritikan yang sedemikian ini juga dianggap sebagai sesuai dengan sifat akhbar dan majalah itu sendiri yang biasa memerlukan tulisan-tulisan yang pendek dan tidak terlalu berat, senang diikuti oleh semua pembaca. Kritikan-kritikan sastera sebegini lebih biasa dikenali sebagai "kritikan-journalistik" yang boleh berperanan sebagai pembimbing kepada

pembaca umum dan penulis kreatif untuk memahami karya-karya sastra.

Jalur Pascamodenisme

Pada zaman moden, definisi kritikan sastra sudah beranjak kepada pelbagai makna, antaranya lebih mencari kelemahan pengarang yang bersifat legislatif dan penyelongkaran kepada tekstualiti. Bermula dengan Rene Wellek yang meletakkan dasar kritikan secara berdisiplin dan akademik melalui penulisan bukunya *The Theory of Literature* pada tahun 1935. Beliau telah berhasil meletakkan kritikan sebagai bidang penting yang tersendiri dan memisahkan dirinya daripada interpretasi lain dalam sains sosial seperti hermeneutic dan fenomenologi. Pada tahun 1963 beliau menghasilkan pula *Concept of Criticism* yang menyatakan bahawa teori sastra harus diajar di university (Mana Sikana, 2013:5). Para pelajar universiti seharusnya menguasai teori sastra kerana teori adalah alat atau landasan untuk penulisan kritikan sastra.

Menurut Christopher Norris dalam bukunya *The Truth about Postmodernisme* (1996), kehadiran pascamodenisme dapat dikesan melalui tiga tunjang dasar istilahnya iaitu istilah pascastrukturalisme, pascamodenisme dan istilah pascamodenisme budaya. Pascastrukturalisme merujuk kepada pemikiran yang muncul selepas kemunculan teori strukturalisme dengan timbulnya penentangan terhadap teori strukturalisme yang telah menguasai benua Eropah selama beberapa dekad. Istilah pascamoden pula sering dikaitkan beberapa ilmuwan sosial yang mengembangkan idea bahawa negara-negara maju kini telah memasuki period pasca-industri, seperti Daniel Bell, Alain Touraine dan Alvin Tofler. Istilah pascamoden ini sebenarnya berdasarkan bahawa dunia industri telah memasuki ke satu tahap yang lebih canggih dan meninggalkan kemajuan industri zaman moden. Manakala istilah pascamodenisme budaya adalah istilah yang mencirikan rangkaian projek budaya yang merujuk kepada sesuatu yang berkaitan dengan estetika dan artistik (konsep keindahan).

Istilah-istilah pascastrukturalisme, pascamoden dan pascamodenisme budaya itu menurut pengkaji sastera adalah sebagai petanda kelahiran dunia baharu yang dinamakan zaman pascamodenisme. Ketiga-tiga istilah itu pula mempunyai hubungan dengan dunia falsafah, teori sosial dan estetik. Memang kelihatan ketiga-tiganya berkembang dalam dimensi epistemologi yang berbeza tetapi mempunyai kaitan dan hubungan antara satu sama lain. Dengan kata lain, ia mempunyai dinamika yang berbeza tetapi mempunyai kuasa yang sama.

Dalam perkembangan sastera Melayu dalam beberapa dekad ini, terkesan akan angin perubahan ke arah dunia sastera pascamodenisme. Sejarah kepengarangan penulis kita pada keseluruhannya dapat dikatakan bahawa pada sekitar tahun 1950-an menyentuh pembangunan Negara, manakala tahun 1980-an dengan dunia intelektualisme. Perkembangan dan perubahan tersebut sebenarnya sejalur dengan gerakan dan sejarah negara bangsa kita. Zaman telah berubah, dan cara pengarang mengungkapkan teksnya pun turut berubah. Bagi Philip brian harper (1994), aspirasi pengarang sering disedarkan oleh dimensi sosial dan alam yang tertindas, peristiwa-peristiwa itu dirakam supaya generasi dapat mengetahui sejarah dan memahami budayanya. Di samping itu pengarang juga selalu berusaha mencari dan meneroka bentuk dan corak baharu untuk menyatakan apa yang menggugah pengalaman dan pemikirannya.

Dalam keadaan sastera kita yang dikatakan dikuasai oleh realisme dalam dekad selepas kemerdekaan, tidak ada alasan untuk pengarang terus menerus mentaati aliran tersebut. Realisme yang terlalu bersifat fizikal itu dan diiBaratkan penjajah yang mengikat karya pada suatu kerangka rigid dan hampir melumpuhkan kebebasan tekstual. Teks yang antirealism mula dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad memulakan dengan beberapa buah cerpennya, kemudian diikuti dengan novelet Sampah pada tahun 1974. Angin perubahan itu cukup dirasakan dengan beberapa percubaan dalam kalangan penulis lain seperti Anwar Ridhwan dan Othman Puteh yang menghasilkan cerpen-cerpen yang menentang konvensi.

Satu lagi penanda kehadiran teks pascamodernisme ialah penerimaan atau kehadiran teori baharu yang disesuaikan dengan teks baharu. Dalam erti kata lain, teori kritikan pascamodernisme sesuai untuk teks pascamodernisme, antaranya Strukturalisme, Psikoanalisis, Intertekstualiti, Semiotik, Psikoanalisis, Resepsi, Feminisme, Fenomenologi, Hermeneutik, New Historicism dan sebagainya telah hadir dalam sastera di Malaysia. Begitu juga dengan kewujudan teori tempatan seperti *Puitika Sastera Melayu*, *Kata Kunci*, *Teksdealisme*, *Takmilah*, *Estetika Bersepadu*, dan sebagainya telah menyemarakkan dunia penulisan kritikan di Malaysia.

Keragaman penulisan kritikan ini boleh dilihat daripada dua jenis kritikan, iaitu kritikal teoretis dan kritikal amali. Dalam kelompok kritikan teoretis telah muncul teori kritik kontemporari seperti strukturalisme, semiotik, resepsi, feminisme dan sebagainya yang telah mendapat perhatian para sarjana sastera tempatan. Tulisan-tulisan mereka tentang teori kritis ini telah disiarkan dalam majalah sastera seperti *Dewan Sastera* dan juga akhbar mingguan. Misalnya pada peringkat awal kemunculan pascamodernisme di Malaysia, muncul tulisan Supardy Muradi yang membicarakan teori-teori kritis seperti fenomenologi dan strukturalisme. Seterusnya, kita juga boleh mengikuti tulisan-tulisan daripada Md.Salleh Yaapar, Umar Junus, Mana Sikana, Hashim Awang dan Suhaimi Abdul Aziz yang membicarakan teori-teori kritis ini. Selain esei-esei yang disiarkan dalam majalah dan kemudian dibukukan, terdapat juga seminar-seminar yang khusus membicarakan kritikan sastera dan teori kritis. Kemudian muncul ratusan buku teori kritikan Barat di rak-rak perpustakaan di universiti-universiti tempatan. Selain kritikan teoretis, terdapat juga pengkritik sarjana yang cuba untuk menerapkan teori-teori kritis ini ke dalam teks sastera. Salah satu contoh ialah tulisan Umar Junus yang bertajuk *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali* (1984) yang memperlihatkan penggunaan kritikan resepsi pembaca. Pada peringkat universiti atau pusat pengajian tinggi pula muncul esei-esei pelajar sastera, latihan imiah, tesis dan disertasi sarjana serta kedoktoran yang membincangkan teori-teori kritis ini dan tidak

kurang yang mengapilasikan ke atas teks-teks yang tertentu. Berdasarkan perkembangan ini, maka dunia kritikan sastera tempatan berkembang dengan baik. Walaubagaimanapun, perkembangan ini juga membawa implikasi yang kurang menyenangkan. Masalah yang timbul adalah untuk menentukan arah perkembangan yang akan dituju, dan permasalahan ini membimbangkan sesetengah sarjana pengkritik.

Sehubungan itu juga muncul teori-teori kritis Islam seperti yang dikemukakan oleh Mohd Affandi Hassan dalam bukunya Pendidikan Estetika daripada Pendekatan tauhid (1992). Seterusnya ada juga usaha-usaha untuk mencipta teoriteori kritis Melayu atau tempatan seperti yang diusahakan oleh Hashim Awang melalui "Pengkaedahan Melayu"nya, Konseptual Kata Kunci oleh Mokhtar Hassan, Teksdealisme oleh Mana Sikana, Estetika Bersepadu oleh A.Halim Ali, dan beberapa sarjana sastera tempatan yang lain. Usaha-usaha mereka ini juga sebenarnya merencanakan lagi dunia kritikan sastera di Malaysia, khususnya perkembangan kritikan teoretis. Justeru itu, perkembangan pesat kritikan teoretis ini juga perlu diseimbangkan dengan kritikan amali. Justeru itu, wajar teoriteori kritis ini diaplikasikan kepada teks-teks sastera yang sesuai. Namun, persoalan lain juga perlu direnungikan juga iaitu adakah kita sudah bersedia dengan teks-teks sastera yang sesuai dengan perkembangan teori kritik sastera yang rancak ini.

KESIMPULAN

Sungguhpun dunia kritikan sastera dalam jalur pascamodenisme di Malaysia masih muda, namum perkembangannya sungguh menarik dan meriah. Dunia kritikan sastera diharapkan dapat berkembang pesat khususnya dalam konteks kritikan teoretis serta memperkaya khalayak dan yang terpenting sebagai mutiara rangsangan untuk para pengarang terus berkarya. Kritikan teoretis bertambah kompleks dan elitis sifatnya apabila muncul teori-teori kritis yang hanya dikuasai oleh pengkritik sarjana sastera.

Namun, perkembangan pesat teori kritis ini akan membantu para pengkritik yang tidak mempunyai latar belakang teori kritis

secara formal. Mereka boleh memanfaatkan perkembangan yang pesat ini dan cuba menerapkannya ke dalam teks-teks yang sesuai. Keadaan ini akan membantu menyemarakkan lagi dunia kritikan sastera di Malaysia, khususnya dalam konteks kritikan sastera amali. Sesungguhnya teori baharu yang sedang dicipta dan teori luaran yang terus mendatang haruslah dilestarikan dengan bijaksana agar dunia kritikan sastera Melayu terus berkembang bagaikan kita berdiri kukuh di akar sendiri.

RUJUKAN

- Hamzah Hamdani (2006). *Sastera Kebangsaan Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1984) *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hashim Awang. (1997). *Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2004). *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mana Sikana. (2013). *Dari Barat ke Timur; Teori dan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raman Selden. (1989). *Teori Kesusasteraan Sezaman*. (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsuddin Jaafar. (1997). *Sastera dalam Masyarakat Majumuk Malaysia*. (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz. 2003. *Teori dan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka